

DATE: **17 JUNE 2016 (FRIDAY)**

MEDIA: **BERNAMA PLUS ONLINE – KEJAYAAN MALAYSIA HASIL PERPADUAN SEMUA KAUM – TENGKU ABDULLAH**

Retrieved from: <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=125659210>



Kejayaan Malaysia Hasil Perpaduan Semua Kaum - Tengku Abdullah



KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama)-- "Negara kita adalah negara pelbagai kaum dan kita berjaya kerana semua kita bersatu", demikian kata kerabat diraja Pahang Tengku Tan Sri Abdullah Sultan Abu Bakar.

Beliau berkata demikian bagi memberi peringatan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa setiap kaum perlu menerima satu sama lain kerana negara ini bukan milik kaum tertentu sahaja.

"Saya dibesarkan di kampung, ayahanda saya mendidik saya supaya bergaul dengan sesiapa sahaja, tanpa mengira agama atau bangsanya," kata beliau pada Majlis Berbuka Puasa anjuran Unitab Medic Sdn Bhd (FOMEMA) untuk golongan kurang bernasib baik di sini hari ini.

Beliau, yang juga pengerusi Unitab Medic, berkata penganjuran majlis itu adalah sebahagian daripada program tanggungjawab korporat (CSR) syarikat berkenaan bagi menggalakkan setiap orang melaksanakan amalan mulia sepanjang Ramadan, di samping mengeratkan hubungan kaum di negara ini.

Tengku Abdullah juga melahirkan perasaan gembira beliau kerana melihat rakyat daripada pelbagai kaum menyertai majlis berbuka puasa itu bersama-sama 60 anak yatim dan pelajar tahfiz daripada Rumah Kasih Nurul Hasanah.

Katanya generasi muda perlu sedar bahawa mereka bertuah kerana menjadi sebahagian daripada negara ini dan oleh itu mereka perlu menyumbang bagi memastikan kejayaannya.

Unitab juga memberi pemeriksaan perubatan percuma kepada golongan kurang bernasib baik di kawasan luar Pahang, termasuk masyarakat Orang Asli dan golongan tidak mempunyai tempat tinggal.

-- BERNAMA

The fee for women was higher because of the pregnancy test.

Dr Chew said it was time-consuming to carry out additional tests which included the mental health examination to rule out mental instability.

"This is not a five-minute assessment," he said, adding that some examinations could take up to 30 minutes.

He said additional reimbursement had to be made to doctors who were on the financial losing end due to rising costs.

"About 500 clinics have closed over the last five years because the cost of practice has gone up. Doctors aren't getting much profit despite performing an important public service," said Dr Chew.

Corporat

"We have a legitimate right to ask because of the demand of foreign workers in the country."

It is understood that Fomema's hands are tied in the matter as the Public Private Partnership Unit (Ukas) in the Prime Minister's Department makes the final call on new terms.

